

CARA MENGAMBIL BAHAGIAN:

LANGKAH 1

Beli produk minuman 100PLUS atau F&N FUN FLAVOURS yang tertakluk dalam Jadual Bukti Pembelian.

LANGKAH 2

Jawab 2 soalan dan lengkapkan borang peraduan.

LANGKAH 3

Hantarkan borang peraduan bersama bukti pembelian (sila rujuk kepada Jadual Bukti Pembelian) ke alamat berikut:

**PERADUAN F&N MINUM & MENANG,
PO BOX A165, KENYALANG PARK, 93307, KUCHING, SARAWAK**

JADUAL BUKTI PEMBELIAN

Produk-produk F&N	Bukti Pembelian	Bil. Nombor Bersiri
100PLUS Botol 380ml / 400ml / 500ml (Semua Varian)	Label botol	1
100PLUS Botol 1.2L / 1.5L (Semua Varian)	Label botol	2
F&N FUN FLAVOURS Botol 400ml / 500ml (Semua Varian)	Label botol	1
F&N FUN FLAVOURS Botol 1.2L / 1.5L (Semua Varian)	Label botol	2

*Nombor bersiri akan dicapkan di atas setiap borang peraduan layak yang diterima berdasarkan Bukti Pembelian yang disertakan. Contoh: 1 borang peraduan layak bersama 1 label botol 100PLUS 500ml = 1 nombor bersiri = 1 peluang kemenangan.



Label Botol

- 100PLUS 380ml / 400ml / 500ml 1.2L / 1.5L (Semua Varian)
- F&N FUN FLAVOURS 400ml / 500ml / 1.2L / 1.5L (Semua Varian)

Sila tandakan jawapan yang BETUL bagi 2 kenyataan berikut.

1. Peraduan F&N Minum & Menang akan bermula dari 1 Mei ke 30 Jun 2018.

BETUL SALAH

2. Hadiah Utama Peraduan F&N Minum & Menang ialah sebuah ISUZU D-MAX 2.5L 4x4 AT (STD) bernilai RM110,000.

BETUL SALAH

SILA LENGKAPKAN BUTIR-BUTIR PERIBADI ANDA:

Nama seperti dalam Kad Pengenalan: _____

No. Pengenalan: _____ Alamat: _____

Poskod: _____ Bandar: _____, Sarawak

Tel. (Rumah): _____ Tel. (Bimbit): _____ E-mel: _____

TERMA & SYARAT PERADUAN

Penganjur & Tempoh Peraduan

- PERADUAN F&N MINUM & MENANG ("Peraduan") dibuka kepada semua penduduk sah SARAWAK yang berusia 18 tahun dan ke atas pada 01/05/2018 kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. ("Penganjur"), syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
- Peraduan bermula dari 01/05/2018 dan berakhir pada 30/06/2018 ("Tempoh Peraduan"). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
- Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

Kriteria Kelayakan & Penghantaran Penyertaan

- Setiap pembelian minuman 100PLUS dan F&N FUN FLAVOURS yang tertakluk dalam Jadual Bukti Pembelian yang ditunjukkan dalam borang penyertaan akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan.
- Setiap borang penyertaan yang dikemukakan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, jawapan yang betul bagi 2 (dua) kenyataan dan mesti disertakan dengan bukti pembelian (BP) yang dikehendaki seperti yang ditunjukkan dalam borang penyertaan.
- Setiap Peserta layak untuk menghantar lebih daripada 1 (satu) penyertaan. Setiap penyertaan boleh dikemukakan dengan lebih daripada 1 (satu) BP. 1 (Satu) sampul surat boleh mengandungi berbilang penyertaan. Salinan fotostat borang penyertaan dibenarkan/diterima.
- Untuk setiap penyertaan layak yang diterima, nombor-nombor bersiri akan diperuntukkan menurut kepada BP yang disertakan.
- Hanya borang penyertaan lengkap yang dihantar ke alamat berikut akan diterima:
PERADUAN F&N MINUM & MENANG, PO BOX A165, KENYALANG PARK, 93307, KUCHING SARAWAK.
- Borang penyertaan mesti dihantar atas risiko dan perbelanjaan Peserta sendiri. Borang penyertaan yang diterima selepas 30/06/2018, jam 23.59 malam tidak akan dilayan. Bukti pos borang penyertaan tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan Penganjur. Semua borang penyertaan termasuk BP yang dihantar adalah menjadi hak milik Penganjur dan tidak akan dikembalikan.
- Semua borang penyertaan yang dihantar adalah tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membatalkan secara automatik borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau rosak, penyertaan lewat (borang penyertaan yang diterima selepas 30/06/2018, 23.59 malam) atau borang penyertaan tanpa BP yang dikehendaki atau BP yang tidak mencukupi.
- Penganjur, atas budi bicara mutlak, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyangkirkan mana-mana borang penyertaan tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu kepada mana-mana pihak. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.

Hadiah Mingguan

- Terdapat 10 (sepuluh) Hadiah Mingguan berupa RM500 yang tunai, untuk 8 (lapan) minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah 80 (lapan puluh) Hadiah Mingguan untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
- Tempoh Peraduan - 2 (dua) bulan berturut-turut adalah seperti berikut:
 - Minggu 1: 01/05 - 07/05/2018
 - Minggu 2: 08/05 - 14/05/2018
 - Minggu 3: 15/05 - 21/05/2018
 - Minggu 4: 22/05 - 28/05/2018
 - Minggu 5: 29/05 - 04/06/2018
 - Minggu 6: 05/06 - 11/06/2018
 - Minggu 7: 12/06 - 18/06/2018
 - Minggu 8: 19/06 - 30/06/2018
- Hadiah Mingguan: Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak setiap minggu akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan 10 (sepuluh) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Mingguan setiap minggu. Jika nombor mempunyai nilai perpuhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
- Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak bagi bulan tersebut ialah 889, maka 889 akan dibahagikan dengan 10, yang bersamaan dengan 88.9, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 88. Nombor pengandaian dalam kes ini ialah 88. Seramai 10 (sepuluh) Peserta bagi Minggu tersebut yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 88 iaitu 88, 176, 264, 352, 440, 528 dan seterusnya akan menjadi Pemenang Hadiah Mingguan bagi minggu tersebut.
- Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah Mingguan setiap minggu dan maksimum 2 (dua) Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Peraduan.

Hadiah UTAMA

- Terdapat 1 (satu) Hadiah Utama berupa sebuah ISUZU D-MAX 2.5L 4x4 AT (STD) bernilai RM110,000 untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
- Hadiah Utama: Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan 2 (dua) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
- Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 8889, maka 8889 akan dibahagikan dengan 2, yang bersamaan dengan 4444.5, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 4444. Nombor pengandaian dalam kes ini ialah 4444. Peserta tersebut yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 4444 iaitu 4444 akan menjadi Pemenang Hadiah Utama.

- Hanya Pemenang terpilih dengan nama dan butir-butir yang dikemukakan dalam Penyertaan Layak yang terpilih, layak untuk memenangi. Kelayakan penyertaan sama sekali tidak boleh dipindahkan. Pemenang akan dihubungi menerusi telefon bimbit, berdasarkan nombor yang diberikan dan akan dimaklumkan tentang butir-butir Hadiah Utama. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi selepas 3 (tiga) percubaan, maka penyertaan beliau akan dibatalkan dan nombor bersiri berikutnya yang lebih tinggi daripada nombor bersiri terpilih akan ditetapkan sebagai Pemenang gantian.

Liabiliti & Tanggungjawab

- Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa 1 (satu) bulan dari tarikh Hadiah disediakan untuk kutipan. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.
- Pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.
- Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada borang penyertaan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.
- Pemenang dan/atau warisnya hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan, menuntun dan/atau menggunakan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
- Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntun Hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

- Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd ("F&N" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemrosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendaki daripada anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengandikakan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
- Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menagih pemrosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di pdpa@omniteam.com.my. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.

Hak Penganjur

- Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk mengantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Semua Hadiah dituntut dalam keadaan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit atau barangan lain atau bawcar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya.
- Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
- Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh Peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.
- Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas kutipan hadiah. Semua Peserta bersetuju secara tidak berysart untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan Hadiah.
- Penganjur sama sekali tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua kesilapan peretakan yang tertera pada BP yang diedarkan di pasaran.
- Hadiah menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau mengurangkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.
- Terma & Syarat ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di www.100plus.com.my akan diguna pakai.
- Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila hubungi Talian Khas di 03-7880 7803 (10 pagi - 12 tengah hari, 2 petang - 5 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum) atau kunjungi www.100plus.com.my.